

PERBANDINGAN MATLAMAT PENDIDIKAN DALAM SITUASI PENDIDIKAN DUALISTIK: Nukilan daripada Data Kajiilidikan

Khadijah binti Zon
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia

Using the term 'educational goals', the article focuses on the situation (among the Malays of Peninsula Malaysia) wherein two educational 'systems' have emerged, involving the Islamic religious schools on the one hand, and the national school system on the other. The explicit educational goals of the two systems are drawn from the writer's own case study (1985 - 1987), and the 'divergences' are indicated by comparing all the five educational goals of the two systems. The article concludes that the divergences in educational goals could lead to irretrievable differences in value orientations; the problem thus needs to be addressed systematically and professionally.

Pengenalan

Pendidikan merupakan salah satu usaha yang diutamakan oleh semua pihak dalam sesebuah negara, kerana pendidikan dipercayai memainkan peranan yang penting dalam membentuk generasi yang akan datang. Melalui sistem pendidikan, sesebuah negara, masyarakat atau institusi, dapat menggariskan falsafah dan matlamat pembangunan masing-masing. Falsafah dan matlamat pendidikan, kurikulum dan cara mengajar, mungkin berbeza-beza dari satu institusi ke satu institusi, atau dari satu masyarakat ke satu masyarakat yang lain. Namun begitu, sekolah masih boleh dianggap sebagai tempat masyarakat menyimpan idealisme dan cita-cita.

Donald K. Adams (1968:1-2) menyatakan bahawa ideal yang dipegang oleh masyarakat merangkumi

ideal berkaitan dengan perbezaan peranan lelaki dan kaum wanita, mengenai nilai-nilai budaya, akademik dan pekerjaan. Dalam bentuknya yang lebih dinamik, sekolah-sekolah kadang-kala menjadi agen pengasas, atau setidak-tidaknya agen yang memudahkan penyampaian ilmu pengetahuan, dan kemahiran yang baru di kalangan segolongan rakyat.

Pihak-pihak yang terlibat dengan proses pendidikan lazimnya memberi keutamaan kepada usaha-usaha untuk mengetahui apakah falsafah dan matlamat pendidikan dalam sesebuah negara, masyarakat atau institusi, terutamanya di negara yang falsafah dan matlamat pendidikannya berbeza-beza di antara satu golongan kecil dengan satu golongan kecil yang lain sehingga melahirkan institusi-institusi yang berbeza-beza pula. Melalui pendidikan, sistem nilai dan norma, ataupun falsafah hidup yang dipegang oleh sesuatu masyarakat, bangsa atau negara itu diturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Jadi walau apapun falsafah pendidikan bagi sistem-sistem yang berbeza itu, matlamat utama pendidikannya adalah untuk memperpanjangkan falsafah dan tujuan hidup masyarakat yang menganjurkan sistem pendidikan tersebut.

Dalam sesuatu situasi pendidikan, falsafah dan matlamat pendidikan seharusnya merupakan kenyataan dan maklumat yang tersurat dan nyata. Hanya dalam keadaan demikian barulah perlakuan-perlakuan yang seharus berpandukannya dapat dijalankan dengan mudah. Tetapi, sekiranya falsafah atau matlamatnya terselindung atau diungkapkan secara tersirat di dalam dokumen-dokumen rasmi, segala perlakuan yang harus mengikutinya akan mengalami berbagai-bagai tafsiran yang mungkin tidak menepati kehendak sebenar falsafah dan matlamat yang tersirat itu. Sesuatu falsafah pendidikan itu adalah penuh berisi dengan 'nilai' yang ingin disemaikan; jadi adalah penting untuk menterjemahkan sesuatu falsafah itu ke dalam matlamat yang jelas kerana matlamat-matlamat ini adalah penjelmaan 'nilai-nilai' yang termaktub di dalam sesuatu falsafah ataupun konsep pendidikan. Dengan perkataan lain, matlamat pendidikan adalah juga aspek-aspek yang bersifat perlakuan dan tahap-tahap pencapaian yang realistik dalam suatu lingkungan masa yang menasabah.

Nilai adalah sesuatu ukuran yang wujud secara intrinsik di dalam sesuatu benda, perkara atau perbuatan yang dilaksanakan oleh manusia. Tinggi atau rendahnya nilai yang ada pada sesuatu itu dapat ditanggapi secara relatif dan perbandingan dengan benda-benda atau perkara-perkara lain yang juga mempunyai nilai menurut alat pengukur yang sama atau alat penilai yang saling dimengerti.

Persoalan tentang nilai ini lazimnya menjadi pokok perbincangan dalam bidang Falsafah Idealis atau Falsafah Etika dan juga di kalangan ahli-ahli fikir yang menganggap bahawa manusia itu adalah satu-satunya makhluk berakal yang sentiasa membentuk dan memberikan 'nilai' kepada segala apa yang wujud di sekelilingnya.

Istilah-Istilah Matlamat, Falsafah dan Objektif

Persoalan mengenai matlamat pendidikan di rantau ini telah menjadi bahan perbincangan oleh Biro Pendidikan Antarabangsa (*International Bureau of Education* atau *I.B.E.*) semenjak tahun 1970-an lagi hinggalah sampai kepada kemuncaknya pada tahun 1980. Dalam perancangannya Biro tersebut memperakukan supaya satu-satu inovasi atau pembaharuan yang ingin dilaksanakan di dalam pendidikan melibatkan 'nilai' dan ini pula ada hubungan dengan matlamat pendidikan.

Di antara matlamat hidup manusia ialah melahirkan masyarakat yang ideal. Oleh kerana itu umat manusia membekalkan anak-anak muda dengan pelbagai persediaan yang dapat menjadikan mereka ahli masyarakat yang benar-benar disiap-sediakan untuk menyumbangkan tenaga bakti ke arah suatu masyarakat baru yang ideal. Untuk mencapai maksud tersebut, pendidikan yang diberikan lazimnya dapat membentuk sifat-sifat yang dikehendaki itu. Dengan perkataan lain, cita-cita dan andaian-andaian manusia sebagai anggota masyarakat membawa kepada pengucapan sesuatu (ataupun beberapa) 'matlamat' pendidikan.

Sebagai misalan katakanlah ada ahli-ahli falsafah dan negarawan mengatakan bahawa tujuan pendidikan di negara itu ialah untuk mewujudkan sebuah negara demokrasi yang tulen, ataupun sebagai alternatif keduanya, sebuah negara berlandaskan syariat Islam. Harapan, cita-cita, atau tujuan mereka ini lebih tepat dikatakan sebagai 'matlamat' negara tersebut. Ringkasnya, matlamat negara biasanya merupakan harapan dan cita-cita yang pernah diungkapkan. Takrif 'matlamat' diberikan di dalam *Educational Goals* oleh UNESCO (1980:20) sebagai

suatu visi mengenai masa depan yang agak mendekati suatu wawasan bersifat 'utopian': iaitu aspirasi-aspirasi yang amat tinggi digariskan dengan kata-kata yang paling umum.

Segala harapan dan cita-cita, ideal dan arah yang ingin ditujui sebenarnya bermula dengan pembentukan falsafah. Falsafah menjawab soalan 'mengapa' cita-cita dan ideal itu dibentuk. Seterusnya falsafah pendidikan itu diterjemahkan atau dilaksanakan dalam bentuk perkara-perkara yang lebih kecil, lebih jelas, dan dekat dari segi jangkauan masanya. Pecahan dari falsafah ini ialah matlamat dan objektif pendidikan. Perkara-perkara yang lebih kecil ini lazimnya ditanggapi sebagai sesuatu yang praktik untuk dilaksanakan dalam aspek-aspek perlakuan (*behavioural*).

Pada peringkat matlamat, segala cita-cita, sesuatu ideal dan arah tujuan falsafah pendidikan akan dipecah-pecahkan untuk menjadi penerangan-penerangan kepada 'apa' yang ingin dicapai oleh ideal dan arah itu. Objektif pula merupakan perkara-perkara yang akan dilaksanakan ataupun dipraktikkan untuk mencapai cita-cita, ideal, atau arah pendidikan itu. Jadi, soalan 'bagaimana' perkara-perkara itu akan dilaksanakan adalah menjadi tumpuan dan ruanglingkup bidang objektif.

Mengikut Brown (1970) pula, matlamat terletak di antara ideal dan objektif. Biasanya, dan mengikut pertimbangan-pertimbangan yang lojikal dan rasional, matlamat itu sememangnya dapat dicapai. Sekaligus dalam ungkapan-ungkapan tentang matlamat akan termaktub motivasi dan andaian-andaian mengenai pencapaiannya. Ianya boleh juga ditanggapi sebagai suatu 'keadaan' atau 'situasi yang melibatkan berbagai-bagai keadaan' yang hendak dituju dalam gerak-laku atau tindak-tanduk sekumpulan manusia. Dengan perkataan lain, matlamat melibatkan perlakuan (*behaviour*) tertentu yang hendak dirobah.

Segala bentuk kata-kata yang mengucapakan matlamat pendidikan biasanya adalah aspirasi yang ingin dilaksanakan pada masa akan datang, tetapi mempunyai akar umbinya di dalam apa yang telah berlaku pada masa yang lampau. Perkara yang telah membajai atau menyuburi akar umbi ini mungkin berbentuk falsafah agama ataupun pemikiran-pemikiran bersifat metafizikal, ataupun apa sahaja bentuk pemikiran yang mendalam, yang diungkapkan oleh para pengasas sesuatu sistem pendidikan atau sistem persekolahan pada ketika perancangan awal ataupun penubuhannya. Falsafah dan matlamat pendidikan yang berkenaan itu mungkin telah didasarkan kepada pemikiran yang dilahirkan oleh tokoh-tokoh atau alim ulamak tertentu yang ada kaitan rapat dengan sistem-sistem persekolahan tersebut.

Dilihat dari sudut yang agak berlainan sedikit, falsafah dan matlamat pendidikan itu mungkin juga mewakili ideologi-ideologi tertentu atau cita-cita murni para pejuang politik dan masyarakat zaman silam dalam konteks sesebuah negara. Falsafah dan matlamat pendidikan itu pula mungkin menjalani proses perubahan dari masa ke semasa, dibentuk semula oleh tokoh-tokoh zaman terkemudian berdasarkan faktor-faktor sosio-budaya dan sosio-ekonomi serta politik yang muncul dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, kestabilan dalam suasana dan keadaan sosio-politik di sesebuah negara lazimnya menjamin bahawa falsafah dan matlamat pendidikan tidak akan dirombak dengan radikal, dan sebaliknya akan mengalami proses perubahan dan ubahsuai secara sedikit demi sedikit dan sederhana.

Untuk mengetahui 'susur-galur' dan pertalian di antara matlamat pendidikan di satu pihak dengan falsafah, pemikiran dan tradisi keilmuannya di pihak yang lain, analisis- analisis berbentuk induktif serta deduktif perlu dijalankan ke atas segala dokumentasi dan ungkapan (sama ada yang tersurat ataupun yang tersirat) mengenai falsafah dan matlamat pendidikan.

Latarbelakang Situasi Pendidikan Dualistik (Di Kalangan Masyarakat Melayu Semenanjung Malaysia)

Orang-orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu (atau Semenanjung Malaysia kini) telah menegakkan sistem persekolahan mereka sendiri, yang berteraskan Islam dan bertujuan mengajar ilmu-ilmu fardhu 'ain (iaitu ilmu-ilmu yang diwajibkan bagi orang Islam), semenjak dari zaman bertapaknya Islam di kawasan ini, kira-kira semenjak dari kurun ke-14 (Masehi) lagi. Aspek-aspek utama corak pendidikan yang berteraskan Agama Islam ini masih berterusan sehingga ke hari ini dalam bentuk 'pondok', 'madrasah', atau sekolah agama rakyat. Ini merupakan satu pencapaian yang istimewa, dan secara tidak langsung menunjukkan bahawa orang-orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu sebenarnya 'sudah bertamaddun' selama beberapa kurun sebelum ketibaan penjajah Inggeris pada penghujung kurun ke-18 dan di ambang kurun ke-19.

Sejarah perkembangan pendidikan di Semenanjung Malaysia selepas kurun ke-19 (Masehi), khasnya selepas bertapaknya penjajah British di Tanah Melayu, menunjukkan bahawa orang-orang Melayu sebenarnya telah dihadapkan pula dengan dua sistem persekolahan. Di satu pihak telah wujud pendidikan yang berteraskan agama Islam yang mana, untuk maksud perbandingan, boleh disebut sebagai 'Sistem Persekolahan Agama'. Dalam sistem ini sekarang terdapat tiga jenis sekolah iaitu 'sekolah pondok', 'madrasah' dan 'sekolah agama kerajaan'. Di pihak yang lain telah wujud pula sistem persekolahan yang diasaskan dalam zaman pemerintahan Inggeris, dan kemudiannya menjadi asas kepada 'Sistem Persekolahan Kebangsaan' apabila Malaysia (atau Malaya waktu itu) mencapai kemerdekaan.

Manifestasi sistem persekolahan yang didatangkan oleh kuasa penjajah British menimbulkan suatu kontradiksi terutamanya kalau dilihat dari sudut-sudut pencapaian kebendaan *per se*. Memanglah persekolahan yang dibawa dan diwujudkan oleh pihak British itu 'lebih istimewa' apabila dilihat dari sudut peluang-peluang dan pulangan-pulangan ekonomi (*economic returns*) berbentuk pekerjaan, ganjaran kewangan, gaji, pangkat dan gelaran. Kebetulan pula segala pertalian itu memang telah diwujudkan oleh pihak British sendiri. Jadi nampaklah seolah-olah sistem Persekolahan Agama (Islam) itu 'dhaif' atau 'kurang maju' dan kurang memenuhi keperluan-keperluan ekonomi semasa.

Sebenarnya, di sini kita berhadapan dengan situasi di mana kedua-duanya merupakan dua sistem yang betul-betul berlainan dari segi falsafah asal (atau falsafah penubuhannya), dari segi matlamat praktik dan jangka pendek, dan seterusnya dari segi peranannya yang sebenar dalam konteks nilai-nilai falsafah jangka panjang dan ketamadunan manusia sejagat.

Justeru itu, bolehlah dikatakan bahawa sistem-sistem pendidikan yang dihadapi oleh orang-orang Melayu tergolong ke dalam dua 'sistem' yang berlainan dan masing-masingnya mempunyai falsafah dan matlamatnya yang tersendiri dan amat ketara perbezaannya. Oleh yang demikian, istilah pendidikan dualistik sesuai digunakan untuk memperkatakan manifestasi pendidikan tersebut yang dihadapi secara khusus oleh masyarakat Melayu mulai dari zaman penjajahan sehingga zaman selepas kemerdekaan Malaya/Malaysia.

Aspek-Aspek 'Matlamat Pendidikan' dalam Sistem Pendidikan Dualistik: Nukilan daripada Data Kajilidikan

Perbincangan kita selanjutnya adalah nukilan daripada data kajilidikan yang telah dijalankan dari awal 1985 hingga 1987 ke atas fenomena pendidikan dualistik di kalangan orang-orang Melayu Semenanjung Malaysia (Khadijah Zon, 1988). Analisis perbandingan

yang menggunakan kaedah *eclectic* dan memberi tumpuan terhadap persoalan 'falsafah' dan 'matlamat' dalam dua sistem persekolahan yang wujud secara dualistik itu telah diterapkan.

Dalam kajilidikan tersebut, sebanyak 59 buah Sekolah Agama (Islam) telah menjadi 'responden' dan memberikan maklumbalas dengan menyatakan secara eksplisit apakah Matlamat (dan juga Falsafah) Pendidikan yang telah digariskan untuk masing-masing institusi. Selain daripada maklumbalas yang diberikan melalui pemulangan borang-borang soalselidik, matlamat pendidikan bagi Sistem Persekolahan Agama juga tersurat di dalam berbagai 'Lembaga (atau Surat) Penubuhan' institusi berkenaan, maupun di dalam dokumen-dokumen yang dilahirkan oleh mudir-mudir pengasas, ataupun di dalam buku-buku Cenderamata yang memperingati ulangtahun-ulangtahun tertentu. Daripada 5 hingga 7 matlamat eksplisit yang diberikan oleh setiap sekolah yang menjadi 'responden' itu pengkaji telah dapat mengesan dan membentuk 5 kategori Matlamat Pendidikan mereka.

Bagi Sistem Persekolahan Kebangsaan, matlamatnya merupakan idea-idea dan ungkapan-ungkapan yang sedia tersurat di dalam berbagai dokumen dan laporan -- *Penyata Razak, 1956, Laporan Rahman Talib, 1960, Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979, dan Rancangan-Rancangan Malaysia, Pertama hingga Kelima* -- berhubungan dengan peringkat-peringkat tertentu dalam sejarah perkembangan sistem persekolahan tersebut. Matlamat pendidikan Sistem Persekolahan Kebangsaan juga dapat dikelompokkan ke dalam 5 kategori yang sama seperti Sistem Persekolahan Agama. Keseluruhan nukilan yang diperolehi kemudiannya di kaji secara *juxtaposition* pada satu peringkat, dan kemudiannya secara 'vertikal' sehingga jelas unsur-unsur persamaan dan perbezaan di dalam kelima-lima 'kategori' Matlamat.

Tinjauan awal terhadap sejarah dan konteks kewujudan masing-masing sistem pendidikan -- pendidikan Agama (Islam) di satu pihak dan sistem pendidikan Kebangsaan di pihak yang lain -- menunjukkan landasan falsafah dan matlamat pendidikan masing-masing adalah berlainan. Kelainan landasan falsafah dan matlamat membawa implikasi bahawa dua sistem itu tidak mempunyai 'titik pertemuan' dan mereka yang lahir dari masing-masing sistem akan tetap mempunyai 'nilai hidup' yang berbeza sekalipun mereka dari kalangan masyarakat Melayu atau kumpulan etnik yang sama.

Dilihat secara perbandingan, perbezaan Matlamat Pendidikan dalam dua sistem pendidikan itu menjadi ketara dalam lima segi atau aspek seperti berikut:

- (I) di segi Matlamat "Pembentukan Individu dan Hubungan Individu dengan Penciptanya (Tuhan)";
- (II) di segi Matlamat "Kemasyarakatan dan Hubungan-hubungannya";
- (III) di segi Matlamat "Kemahiran dalam Bidang-bidang Akademik";
- (IV) di segi "Kemahiran dalam Pekerjaan"; dan
- (V) di segi "Pembentukan Falsafah Hidup yang bersepadu dan bermanfaat secara jangka-panjang dan jangka-panjang."

Setiap satu segi atau aspek yang disebutkan ini boleh juga digunakan sebagai 'asas atau kriteria perbandingan' dalam perbincangan selanjutnya.

Dalam pengungkapan Matlamat I, sistem *Persekolahan Agama* menekankan tentang (a) penyampaian ilmu pengetahuan Agama Islam yang menyeluruh untuk penghayatan ad-din (cara hidup berteraskan Islam); (b) matlamat melahirkan manusia (muslim) yang beriman, bertaqwa, beramal salih, dan berakhlak mulia; dan (c) berusaha untuk melahirkan muslimin yang berjihad da'i (pejuang agama atau pendakwah). Sebagai kontranya, dalam bidang Matlamat I juga, sistem *Persekolahan Kebangsaan* menekankan tentang (i) penguasaan kemahiran asas (dalam pengertian kemahiran 'celik huruf'); (ii) melahirkan individu-individu yang terlatih dan mahir; (iii) melahirkan manusia (warganegara) yang berdisiplin dan tekun dalam daya usahanya; dan (iv) mengajarkan ilmu pengetahuan yang sudah diterima dalam kurikulum Pendidikan Kebangsaan dan ditambah dengan matapelajaran agama, moral dan sivik.

Di segi *Matlamat II*, sistem *Persekolahan Agama* menekankan perkara-perkara seperti: (a) penerapan dan penghayatan ajaran ad-din untuk mencapai kesepaduan (dalam kehidupan) ummah; (b) penyediaan semangat kasih dan cintakan agama, bangsa dan tanahair; (c) penyiaran agama Islam kepada semua pelusuk masyarakat; (d) pembangunan dan peningkatan kemajuan ummah selaras dengan tuntutan Islam; dan (e) kemajuan dan pengukuhan peranan pemuda-pemudi Islam dalam ekonomi negara. Sebagai *kontra*, sistem *Persekolahan Kebangsaan* menekankan perkara-perkara seperti berikut: (i) melahirkan perpaduan di kalangan masyarakat majmuk Malaysia berteraskan prinsip-prinsip *Rukunegara*; (ii) mewujudkan masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dinikmati bersama secara adil dan saksama (berpandukan prinsip *Rukunegara* dan *Dasar Ekonomi Baru*); (iii) melahirkan pemikiran liberal yang dapat menerima kepelbagaian tradisi dan kebudayaan asli masyarakat majmuk Malaysia, tetapi dengan kebudayaan Melayu sebagai terasnya; (iv) membentuk kesedaran sivik dan semangat kebangsaan (taat setia kepada negara); dan (v) membina satu masyarakat progresif yang menggunakan sains dan teknologi.

Di segi *Matlamat III*, sistem *Persekolahan Agama* menekankan: (a) penguasaan ilmu dan isi kandungan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai panduan asas dan utama; (b) mengutamakan ilmu-ilmu Agama (berdasarkan skema dan teori ilmu yang diwarisi secara langsung dari zaman klasik Islam – di mana ilmu-ilmu *naqli* (iaitu ilmu-ilmu berteraskan wahyu dan menjadi teras hukum syarak) diberikan keutamaan sebelum ilmu-ilmu *'aqli* (iaitu ilmu-ilmu berteraskan pemerhatian dan pemikiran manusia); dan (c) mengamalkan prinsip kesepaduan di antara ilmu-ilmu *'naqli* di satu pihak dengan ilmu-ilmu *'aqli* di pihak yang lain. Sebagai kontranya di segi *Matlamat III* ini juga, sistem *Persekolahan Kebangsaan* menekankan perkara-perkara berikut: (a) menyediakan khidmat pendidikan yang formal dan berstruktur, yang disusun rapi dari peringkat sekolah rendah hingga ke menengah atas; (b) mempertingkatkan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa utama dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, di samping pembentukan dan pelaksanaan kurikulum yang seragam dan bercorak kebangsaan; (c) memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran, termasuk faktor-faktor seperti saiz kelas dan nisbah murid-guru, pelaksanaan program khidmat-bantu pelajaran seperti pendidikan pemulihan dan menubuhkan pusat-pusat sumber; (d) menekankan pentingnya sains dan teknologi dalam pendidikan.

Di segi *Matlamat IV* sistem *Persekolahan Agama* menekankan: (a) penyediaan ilmu yang berguna kepada petugas maupun tokoh bidang Agama seperti imam, ustaz, dan sebagainya; dan (b) membantu proses penguasaan ilmu oleh golongan cerdik-pandai Islam yang bertaqwa. Manakala sistem *Persekolahan Kebangsaan* menekankan matlamat seperti pengisian permintaan tenaga manusia yang terlatih di dalam bidang-bidang sains, teknologi dan pengurusan.

Di segi *Matlamat V* pula, sistem *Persekolahan Agama* menekankan: (a) amalan pendidikan seumur hidup, sama ada secara formal maupun tak-formal; (b) kepatuhan kepada sistem dan garispanduan yang berteraskan ajaran al-Qur'an dan Hadith untuk mencapai kebahagiaan hidup; dan (c) penyibaran syi'ar Islam di kalangan generasi baru umat Islam. Di segi *Matlamat V* ini juga, sistem *Persekolahan Kebangsaan* menekankan: (i) peningkatan peluang dan tempoh persekolahan formal (dari jumlah 9 hingga ke 11 tahun); (ii) tumpuan kepada penyediaan peluang-peluang pelajaran yang lebih meluas; (iii) penyediaan peluang-peluang pelajaran tinggi; dan (iv) pencapaian matlamat perpaduan di dalam negara.

Beberapa Aspek Perbezaan 'Nilai' Yang Menonjol

Apabila kita perbandingkan di antara matlamat-matlamat sistem *Persekolahan Agama* dengan matlamat-matlamat sistem *Persekolahan Kebangsaan* kita dapat lihat beberapa pertentangan dan perbezaan dalam 'nilai'. Umumnya unsur-unsur nilai itu tersirat dan terserap di dalam pelbagai matlamat yang telah diungkapkan. Dalam kelompok *Matlamat I* bagi sistem *Persekolahan Agama*, semua unsur matlamat itu menjurus kepada pencapaian sifat-sifat komposit 'insan kamil'-- iaitu 'manusia unggul' yang mempunyai kesepaduan pelbagai unsur rohani-jasmani dan dunia-akhirat di dalam dirinya. Sebaliknya, bagi sistem *Persekolahan Kebangsaan*, semua unsur matlamat bagi kelompok I ini menjurus kepada sifat-sifat komposit dan nilai-nilai yang amat 'kekinian' dan 'duniawi' atau keduniaan. Manakala sistem *Persekolahan Agama* menggariskan dengan jelas corak dan nilai-nilai di dalam 'hubungan dengan Allah', sistem *Persekolahan Kebangsaan* amat tipis dalam pemupukan nilai-nilai ukhrawi (keakhiratan). Konflik di antara nilai-nilai ini dan jurang perbezaannya diperluaskan lagi oleh 'teori ilmu' yang mendasari masing-masing 'falsafah' dan matlamat dalam kedua-dua sistem persekolahan itu. Oleh kerana orang Melayu di Semenanjung Malaysia adalah juga sekaligus orang yang mewarisi dan menganuti agama Islam, kekurangan di dalam pemupukan nilai-nilai *ukhrawi* atau 'keakhiratan' (di dalam sistem *Persekolahan Kebangsaan*) mewujudkan potensi di mana mereka yang lahir dari sistem persekolahan tersebut mungkin menjadi manusia yang kurang memahami Islam, ataupun tidak menghayatinya dengan mendalam dan meyakinkan diri mereka sendiri.

Dalam kelompok *Matlamat II* (yang meliputi segi kemasyarakatan dan hubungan-hubungannya), sistem *Persekolahan Agama* sekaligus menekankan pemupukan 'hubungan manusia dengan Allah' (*hablun min- Allah*) di dalam proses pemupukan 'hubungan manusia dengan manusia' (*hablun min-al-nas*). Dalam hubungan manusia sesama manusia ini, prinsip taqwa dan ikram muslimin (iaitu saling menghormati dan menunaikan hak masing-masing) juga amat ditekankan. Sebaliknya, sistem *Persekolahan Kebangsaan* sangat-sangat mengutamakan pemupukan nilai-nilai baik dalam hubungan manusia sesama manusia; ini ditambah pula dengan matlamat perpaduan di antara pelbagai kaum. Di sini, tidaklah berapa ketara 'percanggahan nilai' yang meruncing; hanya terdapat perbezaan penekanan dan penyusunan prioriti nilai-nilai yang hendak dicapai. Walau bagaimanapun, sekiranya keadaan ini berlarutan, amat besar kemungkinannya situasi percanggahan ini akan membawa kepada masalah-masalah dan konflik nilai di tahap yang lain pula, misalnya pada tahap persepsi orang Melayu terhadap golongan-golongan tertentu di kalangan bangsa yang sama.

Dalam kelompok *Matlamat III* (di segi *Matlamat 'Kemahiran dalam bidang-bidang Akademik'*), kedua-dua sistem persekolahan itu menekankan matlamat memperoleh ilmu, tetapi isi kandungan dan bentuk ilmu yang ditekankan adalah berbeza. Secara intisari, sistem *Persekolahan Agama* (terutamanya di sekolah-sekolah yang dibiayai kerajaan) berusaha untuk menyatupadukan ilmu-ilmu naqli dan ilmu-ilmu 'aqli, menerusi tatacara gabungan matapelajaran agama dan akademik pada nisbah-nisbah seperti 70% Agama - 30% Akademik) atau 60% Agama - 40% Akademik, atau 50% Agama - 50% Akademik.

Di sekolah-sekolah pondok dan agama rakyat yang tidak dibiayai kerajaan hanya matapelajaran bahasa dan sesetengah matapelajaran sastera disediakan di samping matapelajaran agama istam. Kesan umum daripada corak kurikulum seperti ini ialah kekurangan kemahiran yang bersumberkan bidang-bidang pelajaran akademik dan sains. Sebaliknya sistem Persekolahan Kebangsaan menekankan hanya nilai-nilai yang bersumberkan matapelajaran akademik (sastera dan sains). Justeru itu potensi untuk mendapat pekerjaan adalah lebih cerah bagi lulusan sistem persekolahan Kebangsaan. Bagi mereka yang sedar tentang perbezaan nilai di antara dua sistem persekolahan itu timbul dilema atau konflik nilai dalam diri apabila mereka perlu membuat pilihan bagi persekolahan anak-anak mereka.

Di segi Matlamat IV (Kemahiran dalam Pekerjaan), sistem Persekolahan Kebangsaan berhasil memupukkan nilai-nilai positif terhadap kebanyakan pekerjaan yang sedia ada di Malaysia. Tambahan pula, perancangan untuk pendidikan di Malaysia dibuat secara terpusat, dan secara berkala disemaksemula dan dihubungkan dengan keperluan-keperluan gunatenaga manusia yang kemaskini. Sistem Persekolahan Agama, terutamanya bahagian-bahagian yang melibatkan sekolah pondok dan sekolah agama rakyat, samasekali tidak mendapat manfaat daripada pelaksanaan dan perancangan yang seragam. Ini ditambah pula dengan kurangnya penekanan terhadap kerjaya di dalam matlamat Persekolahan Agama secara umum. Daripada situasi ini timbullah kesan seolah-olah sistem Persekolahan Agama 'mengabaikan' matlamat pekerjaan dan kebendaan. Walhal mereka menganggap soal pekerjaan itu sebagai sebahagian daripada skema 'mendapat rezeki' yang mana 'sudah diperuntukkan oleh Allah' bagi mukmin yang benar-benar bertaqwa. Bolehlah dikatakan bahawa percanggahan dan konflik nilai di sini bertitik tolak dari persoalan falsafah di sebalik setiap sistem persekolahan itu.

Di dalam kelompok Matlamat V pula (Pembentukan Falsafah Hidup yang bersepadu dan bermanfaat secara jangka-panjang dan juga jangka-pendek), sistem Persekolahan Kebangsaan mempunyai matlamat jangka-pendek yang sungguh jelas. Rancangan-rancangan Lima Tahun pun mempunyai tahap Penyemakan Setengah Penggal. Segala matlamat yang dibentuk untuk jangka pendek itu telah dimanfaatkan oleh tinjauan semula ke atas matlamat-matlamat yang tidak tercapai di dalam Rancangan-rancangan Lima tahun yang baru terdahulu. Malahan proses penyediaan Rancangan-rancangan Lima Tahun itu diberikan kesinambungan oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat, termasuklah Kementerian Pendidikan. Sebaliknya, sistem Persekolahan Agama (kecuali sekolah-sekolah Agama Kerajaan) tidak terikat kepada tatacara perancangan seperti ini. Walau bagaimanapun, kebanyakan Sekolah-sekolah Agama berpegang kepada falsafah yang mempertalikan 'matlamat jangka panjang' sistem persekolahan itu dengan kontinuum jangka-panjang 'dunia-akhirat' yang sedia menjadi asas pemikiran dan ajaran Islam. Oleh yang demikian, kalau kedua-dua sistem persekolahan itu diperbandingkan dengan menggunakan 'kacamata kebendaan' maka matlamat sistem Persekolahan Kebangsaan kelihatan realistik dan tersusun baik. Sebaliknya, kalau kedua-dua sistem itu dibandingkan dengan mengutamakan lunas-lunas dari Falsafah Idealis, Etika dan Axiologi (teori nilai), maka akan kelihatan bahawa sistem Persekolahan Agama lebih unggul di segi matlamat jangka-panjang, dan sistem Persekolahan Kebangsaan pula kurang memberi perhatian kepada aspek 'falsafah hidup' yang jelas dan bersepadu. Dengan perkataan lain, kedua-dua sistem persekolahan itu menggariskan matlamat jangka-pendek dan jangka-panjang yang bertitik-tolak dari pemikiran (falsafah pendidikan) yang amat berbeza, sehingga meninggalkan kesan bahawa yang satu itu (sistem persekolahan Agama) seolah-olah 'mengabaikan' pencapaian aspek-aspek kebendaan, manakala yang satu lagi (iaitu sistem persekolahan Kebangsaan) mengutamakan pencapaian matlamat kebendaan di dalam konteks Malaysia.

Jadi, pendidikan dualistik yang dihadapkan kepada masyarakat Melayu, dari segi matlamatnya menunjukkan beberapa konflik nilai. Pemisahan di antara nilai-nilai dunia dan akhirat dalam matlamat kedua-dua sistem pendidikan itu boleh menimbulkan konflik. Sistem Kebangsaan yang merupakan sistem warisan kolonial, yang diimpot dari Barat, mengikut M. Kamal Hassan (1988), mempunyai matlamat untuk membangun negara dengan memenuhi beberapa keperluan kebendaan dan tidak mengindahkan faktor rohani dalam manusia dan ilmu wahyu. Ia mengasingkan yang sekular dari yang ketuhanan. Sistem Agama pula tidak mampu memenuhi matlamat yang bernilai fizikal dan teknologikal, seperti yang dapat dilaksanakan oleh Sistem Kebangsaan. Terpisahnya ilmu-ilmu 'aqli daripada ilmu-ilmu naqli (wahyu) dalam sistem pendidikan, akan menyebabkan berterusannya konflik dan polarisasi antara dunia dan akhirat dan selama itulah pembangunan yang benar-benar seimbang tidak akan tercapai (M. Kamal Hassan, 1988).

Kesimpulan

Menerusi makalah ini, penulis telah cuba menjelaskan, di antara lain, bahawa masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia telah berhadapan dengan situasi pendidikan dualistik semenjak kedatangan penjajah Inggeris. Selagi dua sistem pendidikan itu tidak diperbandingkan berasaskan 'kriteria perbandingan' yang sama, kita akan menanggapi bahawa masyarakat Melayu tidak menghadapi sebarang 'masalah' dari segi nilai. Tetapi, perbandingan yang dibuat oleh penulis — khasnya yang menerapkan Epistemologi Islam dan Pemikiran/Falsafah Idealis — menunjukkan bahawa di sana-sini tersirat persoalan dan permasalahan 'nilai yang bercanggah'. Andaikata masing-masing sistem persekolahan itu dibiarkan berterusan atas landasan masing-masing, besar kemungkinannya akan lahir dua kelompok orang Melayu, masing-masingnya dipisah oleh 'jurang nilai' — dari persoalan nilai yang kecil-kecil di dalam matlamat-kurikulum hinggalah kepada yang besar seperti persoalan dan 'nilai hidup' atau *worldview*. Keadaan yang diperhatikan oleh kajian yang disebutkan di awal makalah ini merupakan situasi 'percanggahan nilai' dan mungkin belum meningkat kepada suatu 'krisis nilai', iaitu suatu situasi yang lebih meruncing dan berlarutan sehingga tiada jalan penyelesaian. Penulis meyakini bahawa keadaan 'percanggahan nilai' yang wujud dalam situasi pendidikan dualistik di kalangan orang-orang Melayu Semenanjung Malaysia masih belum sampai ke tahap kritikal atau tahap krisis dan masih boleh dicari jalan-jalan penyelesaiannya. Walau bagaimanapun, situasi 'konflik nilai' ini tidak boleh dibiarkan berlarutan.

Di antara langkah-langkah awal yang boleh diambil ialah 'menerima' hakikat bahawa sistem pendidikan di Malaysia kini memang ada mengalami 'masalah' yang berbentuk 'konflik nilai' di sana sini. Di antara tindakan-tindakan 'pembaikan-dan-pengembangan' (*melioristic*) yang amat diperlukan sekarang ialah: (a) membetulkan susunan prioriti matlamat-matlamat pendidikan, khususnya dengan menggunakan kacamata Islam; (b) mengaturkan perbincangan dan muafakat di antara berbagai pihak yang terlibat secara langsung dengan Sistem Pendidikan Kebangsaan di satu pihak dan Sistem Pendidikan Agama di pihak yang lain, untuk mengatasi masalah percanggahan nilai-nilai yang wujud pada masa kini; (c) memuatkan di dalam Matlamat dan Falsafah Pendidikan Malaysia yang digubal semula prinsip-prinsip atau axioma-axioma yang berteraskan 'Falsafah Tauhid' (atau Falsafah berteraskan prinsip *Iman* dalam Islam) demi untuk melahirkan sistem nilai yang lengkap melengkapi di antara keperluan duniawi dan matlamat keakhiratan umat Islam.

Seterusnya, para pendidik dan perancang pendidikan haruslah mengambil berbagai langkah positif untuk mengatasinya, misalnya: (i) menggalakkan dan membiayai kajian-kajian kualitatif dan kuantitatif terhadap masalah tersebut, (ii) mengadakan dialog yang berterusan

di antara pentadbir sistem Persekolahan Kebangsaan di satu pihak dan ulamak yang bertanggungjawab dalam pengendalian sistem Persekolahan Agama (terutamanya yang kini tidak dibiayai oleh kerajaan), di pihak lain, dan (iii) mengadakan satu 'projek perintis' di mana falsafah pendidikan bersepadu diterapkan dan sekaligus mencari jalan penyelesaian bagi masalah 'nisbah gabungan matapelajaran akademik dan agama' yang kini masih diragui oleh ramai pendidik sistem persekolahan Agama Rakyat sebagai cara penyelesaian yang wajar.

Rujukan

- Adams, Donald K. *Introduction to Education: A Comparative Analysis*. New York: McGraw-Hill, 1968.
- Bayraktar Bayrakli. 'Idealism in Educational Philosophy.' *Hamdard Islamicus*, Vol. XI, No.1 (Spring 1988): 49-79.
- Britannica-Webster Dictionary and Reference Guide*. Chicago, London, Tokyo, etc.: Encyclopaedia Britannica, Inc., 1981.
- Brown, Leslie M. Editor. *Aims of Education*. New York: Teachers College, Columbia University, 1970.
- Cowen, Robert & Martin McLean (Editors). *International Handbook of Educational Systems, Vol. III -- Asia, Australasia and of Educational Systems, Vol. III -- Asia, Australasia and Latin America*. New York, Toronto, etc.: John Wiley & Sons, 1984; terutamanya hlm. 335 - 388.
- Husain, S.S. & S.A. Ashraf. *Crisis in Muslim Education*. London: Hodder & Stoughton/Jeddah: King Abdulaziz University, 1979.
- Khadijah binti Zon. *Pendidikan Dualistik di kalangan Orang-Orang Melayu: Satu Kajian Perbandingan mengenai Matlamat, Melayu: Satu Kajian Perbandingan mengenai Matlamat, Falsafah serta Masalah-Masalah Intrinsik dalam Pendidikan*. (Tesis yang dikemukakan untuk memperolehi ijazah Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Februari 1988).
- Mahathir Mohamad. *The Challenge*. Kuala Lumpur: Pelanduk *The Challenge*. Publications, 1986.
- Muhammad Kamal Hassan. *Pendidikan dan Perkembangan; Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1988.
- Muhammad 'Uthman El-Muhammady. 'Islamic Solutions to the Spiritual and Moral Crisis of Present Society.' *Jurnal Pendidikan Islam*, Tahun 2, Bil.5: Muharram 1408/September 1987: 73-86.
- Naquib al-Attas, Syed Muhammad (Editor). *Aims and Objectives of Islamic Education*. London: Hodder & Stoughton/Jeddah: King Abdulaziz University, 1979.
- UNESCO. *Educational Goals*. Paris: Unesco, Studies and Surveys in Comparative Education Series, 1980.